

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**
TARIKH : **19.5.2016**
SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab pelajar sekolah menengah dilarang untuk menyertai aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh persatuan yang berdaftar di luar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan untuk murid mengikuti sebarang aktiviti luar sekiranya mematuhi pekeliling, surat siaran dan garis panduan yang ditetapkan. Pelbagai surat pekeliling dan garis panduan berkaitan bagi memperincikan prosedur dan tanggungjawab pihak sekolah sebagai rujukan sebelum murid dilibatkan dalam mana-mana aktiviti anjuran pihak atau agensi selain daripada KPM

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 10 Tahun 2011 berhubung Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 28 Jun 2011. SPI tersebut hendaklah dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam SPI Bil. 7/1998 bertarikh 10 Mac 1998: Penyertaan Pelajar Dalam pertandingan Atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan, SPI Bil. 24/1998 bertarikh 10 Oktober 1998: Penglibatan Guru dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Anjuran Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dan SPI Bil. 9/2004 bertarikh 16 September 2004: Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 19 MEI 2016
[KHAMIS]
DARIPADA : Y.B TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

SOALAN :-

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini sama ada tapak pelupusan sampah Bukit Bakri akan digunakan lagi atau dipindahkan ke kawasan lain dan apakah Kerajaan masih meneruskan usaha membina tapak pelupusan sampah baru di Pagoh atau mempunyai kawasan lain.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bakri telah dinaik taraf bagi memanjangkan jangka hayat tapak tersebut selama 5 tahun lagi dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Tapak ini telah siap dinaik taraf pada 15 Mac 2015.

Berdasarkan kepada perancangan Kementerian, sisa pepejal dari Daerah Muar akan dihantar ke tapak pelupusan sisa pepejal baharu di Bukit Payong, Batu Pahat yang kini sedang dalam proses tender. Satu stesen pemindahan akan dibina di Muar sebagai transit sebelum sisa diangkut oleh lori kutipan yang lebih besar dan dihantar ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Payong. Apabila stesen pemindahan sisa pepejal di Bakri dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Payong siap beroperasi, tapak pelupusan sisa pepejal Bakri akan ditutup secara selamat.

Kementerian juga telah membatalkan Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Pagoh, selepas membuat semakan semula terhadap perancangan kemudahan pengurusan sisa pepejal di Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016